



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.3 ( 72)

Tarikh : 12 September 2014

## SIARAN MEDIA

### **BANDAR PUTERA INDAH DIPULIHKAN DENGAN PERUNTUKAN RM 17.93 JUTA**

**BATU PAHAT, 12 SEPTEMBER 2014** - Bandar Putera Indah telah berjaya dipulihkan dengan peruntukan dana Kerajaan sebanyak RM17.93 juta diserahkan kepada pembeli oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada petang ini.

2. Projek perumahan Bandar Putera Indah, Batu Pahat, Johor ini telah diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2005 ini melibatkan sebanyak 244 unit rumah teres kos rendah dan kos sederhana rendah sepatutnya siap pada tahun 2002.

3. Pada 5 April 2012, syarikat pemaju asal iaitu Jasa Vista Sdn. Bhd telah digulungkan di Mahkamah dan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi projek. Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. dan syarikat YYM Builders Sdn. Bhd. sebagai kontraktor penyelamat.

4. Pelantikan kontraktor penyelamat telah dilaksanakan secara tender terbuka di kalangan pemaju/kontraktor yang lulus pra-kelayakan di peringkat JPN. Surat pelantikan sebagai kontraktor penyelamat telah dikeluarkan pada 30 Oktober 2012.

5. Tempoh kontrak pemulihan adalah selama 24 bulan iaitu bermula dari 12 November 2012 hingga 11 November 2014. Sejumlah RM17,930,796.51 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi menampung kos pemulihan rumah-rumah bagi projek Bandar Putera Indah. Pembayaran telah dilakukan setelah projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 20 Disember 2013.

6. Perumahan Bandar Putera Indah siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) enam (6) bulan lebih awal daripada yang dijadualkan hasil daripada komitmen dan kerjasama penuh kesemua pihak yang terlibat. Antara pihak tersebut termasuklah Kerajaan Negeri Johor, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Pejabat Tanah dan Daerah Batu Pahat serta agensi-agensi teknikal.

7. Kerajaan memang memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli yang terlibat dengan projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh Malaysia. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif serta pendekatan strategik bagi mengekang pertumbuhan projek perumahan swasta terbengkalai. Antara pelan tindakan yang telah diatur adalah dengan menggalakkan pemaju-pemaju perumahan swasta untuk melaksanakan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ).

8. Kerajaan juga telah membuat pindaan ke atas Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1996 (Akta 118) bagi memantapkan lagi pemantauan ke atas projek-projek perumahan yang dilesenkan oleh KPKT yang dijadual dikuatkuasakan bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (Akta 318). Di antara perkara penting di dalam pindaan tersebut adalah seperti berikut:

i. Kenaikan kadar deposit daripada RM200,000 kepada 3% daripada anggaran kos pembinaan projek untuk memastikan pemaju yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh sahaja terlibat dengan pemajuan perumahan;

ii. Pembeli mempunyai hak untuk menamatkan perjanjian jual dan beli (S&P) pada bila-bila masa sekiranya didapati tiada kemajuan pembinaan selama enam (6) bulan secara berterusan atau lebih selepas menandatangani S&P dengan syarat perlu mendapat perakuan bertulis daripada Pengawal Perumahan dan mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pembiaya; dan

iii. Mewujudkan peruntukan baru bertujuan agar tindakan boleh dikenakan ke atas pemaju perumahan atas kesalahan mengabaikan suatu pemajuan perumahan selama enam (6) bulan secara berterusan atau menyebabkan suatu pemajuan perumahan terbengkalai;

9. Antara tahun 2009 sehingga 31 Ogos 2014, sebanyak 212 projek perumahan swasta terbengkalai yang telah direkodkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah ini melibatkan sebanyak 58,962 unit rumah dan seramai 39,509 bilangan pembeli. Secara terperinci, 157 (74.2%) projek telah berjaya disiapkan atau diselesaikan dan sebanyak 25 (11.7%) projek sedang berada di pelbagai peringkat pemulihan. Manakala sebanyak 30 (14.1%) projek yang masih di peringkat perancangan awal untuk dipulihkan. Walau bagaimanapun, jumlah projek perumahan swasta terbengkalai tersebut hanya mewakili 1.5% (55 projek) daripada keseluruhan 3,767 projek perumahan swasta yang aktif di seluruh negara.

10. Majlis pada petang ini diserikan dengan YB Datuk Hj Abdul Latiff bin Hj Bandi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara; Tuan Kang Ban Aik Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perumahan Negara; Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd ;YYM Builders Sdn. Bhd. selaku kontraktor penyelamat; wakil Pembeli Rumah Bandar Putera Indah dan pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Johor.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)